

BN Selangor desak kerajaan negeri beri penjelasan punca sebenar masalah

Projek Rumah Selangorku dibatalkan

KUALA SELANGOR — Kerajaan negeri Selangor digesa supaya berhenti berdolak-dalik dan menjelaskan segera kepada rakyat punca sebenar pembinaan sembilan projek Rumah Selangorku dibatalkan.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, Tan Sri Noh Omar berkata, setakat ini kenyataan berhubung pembatalan projek itu bercanggah antara Pengerusi Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar negeri, Datuk Iskandar Abdul Samad dan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Menurutnya, Exco terbabit dalam kenyataannya memaklumkan kelulusan projek itu dibatalkan kerana pemaju gagal mendapatkan kebenaran

merancang dalam tempoh dua tahun daripada tarikh kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

“Menteri Besar pula menyalahkan pemaju kerana mengutamakan projek perumahan kos sederhana dan mewah, jadi soalan saya apa sebenarnya punca pembatalan ini,” katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan sumbangan sempena Tahun Baru Cina di Bagan Pasir Penambang di sini semalam.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pasir Penambang, Datuk Sulaiman Abdul Razak.

Selasa lalu, Iskandar yang merupakan ADUN Chempaka dilaporkan berkata, kerajaan negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Rumah



NOH (kiri) menyampaikan bantuan Tahun Baru Cina kepada seorang penduduk di Bagan Pasir Penambang, Kuala Selangor semalam.

Selangorku telah membatalkan sembilan projek rumah itu yang diluluskan antara 2014 hingga 2016 setelah pemaju gagal mendapatkan kebenaran MMKN.

Projek berkenaan melibatkan tiga projek di Kajang, dua projek di Selayang dan masing-masing satu projek di Subang Jaya, Shah Alam, Ampang Jaya dan Klang.

Noh yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberitahu, pembatalan projek itu menunjukkan kerajaan negeri pimpinan PKR hanya tahu memberi harapan kepada rakyat tetapi tidak akan menjadikan ia kenyataan.

Katanya, rakyat boleh menilai janji PKR dan Pakatan Harapan dengan janji BN iaitu Projek Perumahan Rakyat yang dilaksanakan kerajaan Persekutuan.

“Projek ini telah banyak disiapkan tanpa dibatalkan dan dijual pada harga yang murah berbanding Rumah Selangorku yang mahal dan ada yang dibatalkan.

“Rakyat boleh menilai kerajaan mana yang lebih mengutamakan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana,” ujarnya. — Bernama

